



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

27 Jun 2023
8 Zulhijjah 1444H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Lahir jurupandu belangkas pertama Malaysia• Nelayan perlu manfaatkan industri hiliran kawasan pantai
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Peruntukan RM6.5j bangun tukun tiruan
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Ikan rakyat murah di Terengganu
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			23	27/6/2023

um mls 23 27/6/2023

ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

BELANGKAS merupakan haiwan prasejarah yang hidup sejak 200 juta tahun lalu dan masih kekal hingga ke hari ini. Walaupun tidak ramai pernah melihatnya secara dekat, tetapi nama haiwan itu digunakan dengan cukup meluas dalam pepatah Melayu.

Di Malaysia, haiwan akuatik purba itu dikategorikan sebagai kekurangan data dalam senarai merah Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN).

Bagi memastikan hidupan itu kekal lestari tanpa diancam kepupusan, sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merintis Projek Translasiional Belangkas.

Projek yang bermula dari 2017 hingga kini diketuai oleh Prof. Dr. Noraznawati Ismail bersama lima penyelidik lain.

Noraznawati berkata, objektif projek itu termasuk melahirkan 10 jurupandu belangkas bertauliah berdasarkan Modul Jurupandu Belangkas.

Kata beliau, golongan berkenaan bertanggungjawab memastikan haiwan fosil khazanah negara itu menjadi produk ekopelancongan yang unik lagi tarikan pelancong seluruh dunia.

Jelas Noraznawati, kejayaan projek itu sekali gus bakal menjadikan Hatcheri Belangkas UMT, Kuala Kemaman (HBUKK) sebagai pusat rujukan belangkas terbaik di Malaysia.

"Jawatan jurupandu belangkas tiada di tempat-tempat lain dan kita adalah perintisnya di Malaysia. Sasaran kita adalah untuk melahirkan 10 jurupandu belangkas bertauliah," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

SKOP TUGASAN

Menurut Noraznawati, antara tugas jurupandu belangkas ialah menyampaikan informasi mengenai haiwan itu di samping maklumat tentang HBUKK, kumpulan penyelidik dan UMT kepada umum.

Selain itu, katanya, golongan berkenaan turut berperanan membantu dalam aktiviti rutin penjagaan belangkas termasuk penetasan dan pelapasan juvenil.

Ujar beliau, jurupandu juga perlu terlibat dalam program



POPULASI belangkas di Terengganu kini antara 9,000 hingga 10,000 ekor.

Lahir jurupandu belangkas pertama Malaysia



luar seperti pameran dan kursus serta lain-lain latihan.

3,600 EKOR BELANGKAS DILEPASKAN DI TERENGGANU

Pakar belangkas dari Institut Bioteknologi Marin, UMT itu berkata, sejak 2017 hingga kini, sebanyak 3,600 ekor belangkas dilepaskan di sepanjang perairan Terengganu.

"Bagi belangkas juvenil pula sebanyak 1,469 ekor dilepaskan selepas berjaya ditetaskan di HBUKK," ujarnya.

Noraznawati berkata, Malaysia sangat bertuah kerana memiliki tiga daripada empat spesies belangkas di dunia dengan dua daripadanya iaitu T.g dan C.r. terdapat di perairan Kuala Kemaman.

"Dengan pelaksanaan projek ini, kita menganggarkan populasi belangkas di Terengganu kini antara 9,000 hingga 10,000 ekor," katanya.

BERTELUR MEI HINGGA OKTOBER

Tambah Noraznawati, pemilihan Pantai Telaga Simpul sebagai lokasi pelepasan belangkas juvenil adalah tepat kerana ia merupakan antara habitat

semula jadi haiwan akuatik itu di perairan Kemaman.

Kongsi beliau, belangkas akan datang bertelur di sepanjang pantai itu dari Mei hingga Oktober.

Ujarnya, kedudukan pantai itu yang berdekatan HBUKK memudahkan pelancong untuk datang melawat pusat berkenaan dan menjalankan aktiviti pelepasan belangkas juvenil di Pantai Telaga Simpul.

Tambah Noraznawati, pusat pemuliharaan

belangkas, HBUKK beroperasi sepenuhnya pada 20 Jun 2020.

"HBUKK muncul pusat pemindahan ilmu berkaitan belangkas pertama di pantai timur dan sehingga kini telah dilawati lebih 1,000 pengunjung dalam kalangan penduduk setempat di samping pelancong tempatan serta asing.

Ujarnya, kewujudan pusat itu membolehkan orang ramai melihat, menyentuh dan mengetahui fakta sebenar tentang belangkas.

INFO

- » Tidak mempunyai tulang belakang dan terdiri dalam keluarga Arthropoda (sama seperti ketam, labah-labah dan kala-jengking)
- » Hidup sepenuhnya dalam air dan boleh dijumpai di laut masin dan di kawasan paya air tawar
- » Empat fasa kitaran hidup dengan bermula daripada sepasang belangkas dewasa bertelur, telur menetas, menjadi larva dan seterusnya membesar sebagai belangkas juvenil (belum memasuki tahap kematangan).
- » Matang pada usia enam hingga tujuh tahun
- » Belangkas dewasa biasanya menghabiskan waktunya di laut dalam, jauh dari pantai
- » Bahagian ekor dan duri boleh menyebabkan kecederaan jika tidak dikendalikan dengan betul



AKTIVITI pelepasan belangkas juvenil di Pantai Telaga Simpul.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		33	27/6/2023

UM m/s 33 27/6/2023

Nelayan perlu memanfaatkan industri hiliran kawasan pantai

BACHOK: Para nelayan di seluruh negara perlu bijak memanfaatkan pelbagai peluang dalam industri hiliran di kawasan pantai untuk menambah pendapatan mereka.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, selain keluar menangkap ikan di laut, hasil tangkapan itu boleh dikembangkan kepada peng-hasilan makanan yang lain menerusi bimbingan LKIM.

Dalam masa yang sama, ka-tanya, kawasan perkampungan nelayan boleh dimajukan sebagai produk pelancongan untuk menarik minat pelancong dalam dan luar negara.

Ketika ini, terdapat seramai 84,000 nelayan berdaftar di bawah lebih 100 Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) seluruh negara.

“Usaha itu perlu dirangka di peringkat PNK dalam usaha meningkatkan pendapatan keluarga nelayan yang tidak hanya fokus kepada kerja menangkap ikan.

“Hasil makanan laut, seni kraf dan pelbagai produk mampu dijual kepada pengunjung. PNK juga perlu kreatif dalam merangka projek dalam mem-



MUHAMMAD Faiz Fadzil (kiri) mengagihkan bantuan kepada nelayan PNK Bachok di D'Heritage Resort and Training Center, Bachok, Kelantan hari ini. - UTUSAN/TOREK SULONG

bela nasib nelayan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan,” katanya selepas menyam-paikan bantuan enjin bot, pu-kat dan tong ikan kepada 40 nelayan di D'Heritage Resort and Training Center di sini ce malam.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz memberitahu, aspek kebajikan nelayan ter-

masuk keperluan bantuan per-alatan, kos operasi dan bayaran Elaun Sara Hidup (ESH) nelayan sebanyak RM300 sebulan akan terus dipertahankan.

Katanya, dakwaan yang men-gatakan kerajaan tidak akan menyambung ESH nelayan dan memotong subsidi bahan api hanya propaganda politik yang tidak perlu dilayan.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		10	
							27/6/2023	

Selasa 27.06.2023 | **Harian Metro**

HM M/S 10 27/6/2023

USAHA TAMBAH HASIL LAUT

Peruntukan RM6.5j bangun tukun tiruan

Marang: Jabatan Perikanan menerima peruntukan RM6.5 juta daripada kerajaan pusat bagi menjayakan program pembangunan dan pemantauan tukun tiruan di perairan Semenanjung dan Sabah untuk tempoh 2021 hingga 2023.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain berkata untuk tahun ini, RM1.5 juta disediakan untuk melabuhkan 57 unit tukun tiruan penghalang pukuk tunda *juvenile* (konservasi) di lima negeri membabitkan perairan Terengganu, Kelantan, Johor, Kedah dan Selangor.

"Setiap negeri memperoleh RM360,000 dengan bilangan tukun tiruan bergantung kepada proses perolehan sebut harga dibuat.

"Sebenarnya kami peruntukkan tukun ini khusus bagi perairan pantai timur dan Johor timur serta utara pantai barat kerana perairan kita luas, di situ sekaligus sebagai usaha meningkatkan stok populasi ikan," katanya selepas program melabuhkan tukun tiruan di perairan Pulau Kapas di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar ne-

geri Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

Katanya, di Terengganu, Jabatan Perikanan memperuntukkan RM360,000 tahun ini bagi melabuhkan 12 unit tukun tiruan iaitu masing-masing enam di perairan Batu Buruk dan perairan Pulau Kapas.

"Hasil pelabuhan tukun ini membantu menangani isu kekurangan sumber perikanan dan pendapatan nelayan setempat serta dijangka memberi manfaat kepada 8,635 nelayan di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Azman berkata, kerjasama di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri sangat penting demi menjamin keberhasilan ekonomi sektor perikanan terutama di Terengganu yang mempunyai Zon Ekonomi Eksklusif seluas 87 kilometer persegi.

"Terima kasih kepada kerajaan Persekutuan yang setiap tahun salurkan antara RM250,000 ke RM300,000 kepada Terengganu untuk labuhkan tukun tiruan.

"Di peringkat kerajaan negeri, kami peruntukkan RM1 juta pada tahun lalu dan tahun ini bagi menghasilkan 41 unit tukun tiruan, dan ketika ini ia masih dalam proses perolehan," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	16	27/6/2023



SEBAHAGIAN ikan rakyat yang dijual lebih murah di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam.

KOSMO 15 16 27/6/2023

Ikan rakyat murah di Terengganu

KUALA TERENGGANU – Jika sejak dua minggu lalu, orang di negeri ini 'berpesta' makan sotong, kali ini banyak lagi hasil laut lain dilambak sejak beberapa hari ini.

Tinjauan di beberapa pasar basah di bandar raya ini dan Kuala Nerus mendapati harga hasil laut itu terutama melibatkan 'ikan rakyat' lebih murah sehingga RM4 sekilogram berbanding minggu lalu.

Seorang peniaga, Hamzah Mat Ali, 62, berkata, penurunan harga itu disebabkan lambakan ikan yang berjaya didaratkan di

jeti-jeti nelayan seluruh Terengganu pada masa ini.

"Antara ikan yang mengalami penurunan harga adalah selayang, kembung, cencaru dan aye.

"Ikan selayang kini dijual RM10 sekilogram berbanding RM14 sebelum ini, cencaru (RM10/kg), kembung (RM20/kg) dan aye (RM12/kg)," katanya ketika ditemui Kosmo! di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Azmi Mohamad, 58, berkata, ramai nelayan tempatan yang turun ke laut pada masa ini membawa

hasil banyak ekor fenomena 'bulan gelap'.

Begitupun, dia menjangkakan harga hasil laut itu akan naik sedikit menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha pada Khamis ini.

"Berdasarkan pengalaman harga ikan akan naik sedikit kira-kira dua hari sebelum Hari Raya Haji sebelum kembali stabil seminggu kemudian.

"Ia disebabkan permintaan tinggi apabila ramai perantau mula pulang ke kampung ketika musim perayaan," tambah Hamzah.